



FACULTY OF LIBERAL ARTS

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : _____

Course Code & Name : **MPU2212 BAHASA KEBANGSAAN A**
 Trimester & Year : January – April 2021
 Lecturer/Examiner : Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. This question paper consists of 2 parts:
 - PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
 - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

Total Number of pages = 11 (Including the cover page)

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : **SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**

ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

Petikan (i)

Baca petikan puisi di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

POTRETKAN MAKNA PERPADUAN

Oleh: Nordin Saad

Mari kita kutip
Sisa-sisa pengorbanan
Yang bertaburan
Di lurah kealpaan

Air mata dan keringat
Yang pernah menenggelami maruah
Darah yang pernah menghanyuti pusaka
Usah dibiarkan melimpahi sungai merdeka
Yang kita gali bersama

Putihkan warna-warni persengketaan
Padamkan coretan kebencian
Lakarkan landskap kedamaian
Potretkan makna perpaduan
Kita bina gunung bangsa
Puncaknya satu bangga
Dasarnya kita segala

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa **di lurah kealpaan**? **(2 markah)**
2. Apakah **DUA (2)** pesanan penyajak berdasarkan sajak di atas? **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, apakah **DUA (2)** aktiviti untuk merapatkan hubungan antara kaum di kawasan tempat tinggal anda? **(4 markah)**

Petikan (ii)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

PETALING JAYA: Kes keracunan makanan menunjukkan peningkatan sebanyak 23.69 peratus iaitu 401 kes kepada 496 berbanding tahun lalu. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata sehingga Mei lalu, sebanyak 213 kejadian keracunan makanan dilaporkan membabitkan 68 kejadian di sekolah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan. Manakala 26 lagi kejadian di sekolah bukan di bawah Kementerian Pendidikan, 19 kejadian di institusi, 55 kejadian keracunan di rumah persendirian dan 45 kejadian di lain lain tempat.

Keracunan makanan merujuk kepada penyakit yang berpunca daripada pengambilan makanan ataupun minuman yang tercemar. Kementerian Kesihatan memandang serius mengenai kejadian kes keracunan makanan seperti ini dan soal keselamatan dan kebersihan makanan tidak boleh dipandang ringan. Antara sebab terjadinya keracunan makanan ialah makanan ditinggalkan pada suhu bilik untuk tempoh yang lama (lebih daripada empat jam) dan makanan itu juga tidak disimpan dengan baik serta tidak dipanaskan semula. Seterusnya, makanan yang tidak dimasak dengan sempurna dan amalan pengendalian makanan yang tidak bersih juga boleh menyebabkan keracunan makanan.

Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) telah menetapkan 7 Jun bagi sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia. Selain itu, Kawalan Keselamatan makanan masa kini **kian rencam** disebabkan penghasilan makanan yang sangat kompleks.

Justeru, kerajaan bertanggungjawab mengambil langkah yang sesuai untuk mengawal punca pencemaran di sepanjang rantai bekalan makanan bermula dari bahan mentah sehingga ke peringkat hidangan makanan.

(Diubah suai dan dipetik daripada, Kes keracunan makanan meningkat - Dr Dzulkefly, Berita Harian Online, 13 Julai 2019)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa **kian rencam**? **(2 markah)**
2. Berdasarkan petikan di atas, nyatakan **EMPAT (4)** sebab terjadinya keracunan makanan. **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, berikan **DUA (2)** cadangan kepada pengendali makanan supaya dapat mengelakkan berlakunya kes keracunan makanan. **(4 markah)**

TATABAHASA (20 markah)

Bahagian ini mengandungi DUA (2) soalan WAJIB dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

a) Tulis ayat berdasarkan setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.

I. mencetak (2 markah)

II. mengarang (2 markah)

III. menyiapkan (2 markah)

IV. menyertai (2 markah)

V. menjawab (2 markah)

(10 markah)

b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Tuliskan jawapan yang betul di kertas jawapan.

1. Jaya kehidupan pada masa ini amat canggih disebabkan kemajuan teknologi.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

2. Warna merah merupakan warna menggemari ibubapa saya.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

3. Azman telah memenangi hadiah motorsikal ketika cabutan bertuah itu melangsungkan.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

4. Setiap hujung bulan, ibu saya akan menterima kiriman uang daripada abang.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

5. Klinik Sentosa telah berpindah ke bangunan yang lebih besar.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

(10 markah)

SOALAN 2 : SOALAN ESEI (30 MARKAH)

ARAHAN : Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

SOALAN 1

Jerebu merupakan satu fenomena yang sering berlaku di Malaysia. Malahan, sejak tahun 1991, jerebu telah menjadi masalah yang meruncing di Asia Tenggara yang dikatakan berpunca daripada pembakaran hutan di Indonesia untuk membersihkan tanah.

Bincangkan faktor-faktor yang boleh menyebabkan fenomena jerebu.

ATAU;

SOALAN 2

Pada pendapat anda, apakah yang wajar dilakukan oleh seseorang individu sebagai persediaan untuk memasuki alam pekerjaan?

ATAU;

SOALAN 3

Tuliskan sebuah cerita berdasarkan peribahasa, 'Genggam bara api biar sampai jadi abu'.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT